

LAMPIRAN C: Transkrip Temubual

- 1 **27 HB APRIL 2011 (RABU) JAM 06:03**
- 2 **TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MURID KAMARUL KUALA TERENGGANU**
- 3 **(00:00 – 01:47/18:46)**
- 4 Penyelidik: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu.
- 5 Pertamanya terima kasih kepada adik Izat kerana dapat luangkan sedikit masa pada petang ni.
- 6 So abang nak temubual sedikit pasal ganjaran la. Penggunaan ganjaran dalam pembelajaran
- 7 khususnya dalam hafazan. So sebelum ni abang dah pernah interview adik. Jadi abang daripada
- 8 Universiti Malaya, kajian ni berkaitan dengan hafazan. Yang diaplikasikan, yang diterapkan di
- 9 sekolah ini la. Mungkin adik dah nampak sendiri apa yang abang nak tanya ni. Tapi ada
- 10 beberapa perkara yang tambahan. Perkara yang tambahan. Tapi sebelum tu adik boleh
- 11 perkenalkan diri dulu, secara umum la. Seperti biasa. Silakan.
- 12 Pelajar: Waalaikumsalam warahmatullahiwabarakatu. Nama saya Mohd Izat Farhan binFazli.
- 13 Saya tinggal di Taman Jasli 2 Padang Miding? Kuala Terengganu. Pendidikan awal saya di
- 14 Tadika Kemas, Teluk Pasu. Lepas tu Sekolah Rendah Islam Pintar Tahfiz, dan seterusnya sekolah
- 15 SRIT, dan seterusnya sekolah menengah.
- 16 Penyelidik: Jadi masa sekolah lama sebelum masuk sekolah ni ni ada pengalaman menghafal al-
- 17 quran tak?
- 18 Pelajar: A'aa. Masa sekolah dekat SRIT la. Sekolah Rendah Islam Pintar Tahfiz. Dia dalam sesi
- 19 pembelajaran sekolah tu ada dia tambahkan slip hafazan. Dan hafazan tu tidak macam sekolah
- 20 ni la. Kalau hafazan kat sana tu dia macam satu ayat satu hari, satu ayat satu hari.
- 21 Penyelidik: Satu ayat satu hari... Kalau kat sekolah ni?
- 22 Pelajar: Kalau kat sekolah ni dia macam satu hari satu muka.
- 23 Penyelidik: Satu hari satu muka, kira banyak ayat la tu.
- 24 Pelajar: A'aa. Tapi masa sekolah rendah tu kiranya ada praktis la menghafal.
- 25 **(01:48 – 07:03 /18:46)**
- 26 Penyelidik: Kiranya ada pengalaman tu dah ada la. Ok disitu jadi senang cerita kalau adik dah
- 27 ada pengalaman tu la, jadi dalam seminggu tu kena hafal dalam 5 muka surat atau 6 muka surat
- 28 la maksudnya. Jadi kalau ustaz ataupun tahu la adik sendiri tak dapat nak hafal, pernah tak
- 29 menghafal? Terus pengalaman adik sendiri la. Tingkatan 1, lepas tu terus masuk Tingkatan 2
- 30 kan. Adik sendiri masa menghafal tu tapi masa nak tasmi' tak dapat nak tasmi', apa tindakan
- 31 ustaz buat dekat adik ataupun dekat pelajar-pelajar lain?
- 32 Pelajar: Biasanya kebiasaanya la macam ada pelajar tak tasmi' dalam satu hari, biasanya ustaz
- 33 mula-mula macam pukul 8.30 dia suruh diri dulu. Lepas tu kalau tak boleh teruskan juga
- 34 tasmi' dia akan buat tindakan la, macam biasa rotan la sekali.
- 35 Penyelidik: Ooo... berdiri tu pada bila? 8.30?
- 36 Pelajar: Aaa 8.30 berdiri...
- 37 Penyelidik: Em em (faham)

- 38 Pelajar: ...lepas tu kalau dalam pukul 9 tak lepas jugak tasmi', kena la. Satu rotan la biasa.
- 39 Penyelidik: Pernah kena ke?
- 40 Pelajar: Setakat ni Alhamdulillah la, tak kena lagi.
- 41 Penyelidik: Tak kena lagi. Ooo jadi adik tek pernah kena lagi la. Maksugnya sehari tu boleh
- 42 tasmi' ayat baru la? Lepas tu boleh tasmi' ayat murojaah la?
- 43 Pelajar: Em (setuju)
- 44 Penyelidik: Siapa jaga halaqah?
- 45 Pelajar: Ustaz Wan Mohd Ridwan.
- 46 Penyelidik: Ustaz Wan Mohd Ridwan... Ok adik. Kalau adik tak pernah kena, tapi adik pernah
- 47 nampak pelajar lain kena kan? Jadi apa lagi denda yang biasa ustaz beri/ bagi dekat kawan-
- 48 kawan yang biasa tak boleh tasmi'?
- 49 Pelajar: Kebiasaannya ustaz-ustaz ni dia bukan bagi denda yang berat la. Kiranya dendanya tu
- 50 tidak membebankan para pelajar. Biasanya macam denda-denda ni ada jugak macam untuk
- 51 lepaskan stress, contohnya macam pusing-pusing dewan ke, jalan-jalan itik ke...
- 52 Penyelidik: Macam mana?
- 53 Pelajar: Jalan-jalan itik, pusing-pusing dewan.
- 54 Penyelidik: Pusing dewan, Ok.
- 55 Pelajar: Macam tu la. Jadi biasa pun macam pelajar-pelajar yang kena denda ni tidak stress la,
- 56 biasanya suka-suka la. Jadi di sebalik suka-suka tu ada la jugak macam yang cerita pengalaman
- 57 dekat saya, dia minta tolong la bagi kaedah menghafal dengan laju ke...
- 58 Penyelidik: Emm.... (faham) Ok so, apa adik rasa? Tengok kawan-kawan kena macam tu atau
- 59 kalau kena dekat Izat sendiri macam mana?
- 60 Pelajar: Kalau macam tak boleh tasmi' la dalam hari, ada jugakla pengalaman tak boleh tasmi'
- 61 satu hari. Tapi biasanya kalau tak boleh tasmi' dalam satu hari ni kena gantikan dengan
- 62 murojaah la biasa. Macam dalam satu hari tu murojaah saje, tak tasmi'. Jadi kalau ustaz kan, dia
- 63 bukan nak suruh tasmi' sangat banyak-banyak. Dia Cuma nak suruh tasmi' dan murojaah ni
- 64 seimbang. Jadi kalau tak mahu tasmi', mengulang.
- 65 Penyelidik: Mm hmm... (faham) Ok. Kalau adik sendiri la kena denda kena rotan, adik rasa
- 66 apa?
- 67 Pelajar: Rasanya kalau macam contohla, kena rotan, tak boleh tasmi' dalam masa satu hari.
- 68 Biasanya kalau pengalaman dulu masa Tingkatan 1, ada jugak sekali tu tasmi' tasmi' tasmi',
- 69 lepas tu ustaz suruh mengulang. Dalam satu minggu tu tak payah tasmi'. Jadi ada tekanan jugak
- 70 la kat situ, sabab target contoh nak habis juzuk 2, tapi bila ustaz buat murojaah ni, tak sampai
- 71 target.
- 72 **(07:04 – 10:30 /18:46)**

73 Penyelidik: Perlu tak kira denda ni... Ok tadi kalau macam rotan, ia melibatkan fizikal. Adik
74 rasa boleh ke, patut ke? Fizikal ni, nanti kalau sakit ke?

75 Pelajar: (gelak sikit) Biasanya-biasanya ustaz rotan tak pernah lagi la berat sangat. Macam ada
76 luka ke, ada tinggal kesan la kira, setakat ni Alhamdulillah tak da lagi la. Biasa-biasa ustaz
77 rotan pun macam halaqah saya, dia rotan biasa je, slow macam tu je. Sebab di anak suruh rakan-
78 rakan saya ni ambil iktibar dari rotan tu. Maknanya kalau kena rotan ni mesti rasa dalam hati,
79 ustaz mesti rasa kecewa sebab kita kan. Ustaz harapkan boleh tasmi' harini, tiba-tiba tak boleh
80 tasmi'. Jadi rakan-rakan saya yang lain ni biasanya dia tak bantah la apa ustaz buat tu.

81 Penyelidik: Ooo.

82 Pelajar: Sebab dia rasa benda tu bermakna untuk diri dia.

83 Penyelidik: Ok, kalau adik tengok kawan-kawan yang kena denda tu, diorang ni ada perubahan
84 ke statik je? Ataupun contoh dia tak boleh menghafal kan, sekarang ni kan lepas tu kena denda
85 rotan, lepas tu diorang boleh dapat tak untuk menghafal esoknya? Dia makin meningkat ke tak?
86 Meningkat tak prestasi?

87 Pelajar: Kadang-kadang macam senang cerita kalau saya sendiri la sebab lebih jelas, jadi kalau
88 saya ada sorang dua tu dia tasmi' dalam satu minggu contohnya macam semuka je, jadi macam
89 hari Khamis nak balik tu ustaz akan bagi tazkirah pada dua orang ni. Dia akan cakap la hafal
90 elok-elok, murojaah, murojaah. Jadi bila dia datang minggu yang kedua tu, tiba-tiba hari Ahad
91 tu boleh tasmi' satu. Esok pun boleh tasmi' satu lagi. Macam ada perubahan la.

92 Penyelidik: Ada perubahan la.

93 Pelajar: A'aa.

94 Penyelidik: Tapi ustaz ada lepas ustaz denda tu ustaz ada cakap apa-apa ke? Atau ustaz denda tu
95 ustaz biar macam tu je?

96 Pelajar: Biasa kalau lepas daripada ustaz denda, ustaz akan bagi tazkirah. Lepas macam ada satu
97 perubahan la, ustaz akan puji.

98 Penyelidik: Kena puji la lepas tu.

99 Pelajar: A'aa. Rase semangat lagi la menghafal.

100 Penyelidik: Puji macam mana?

101 Pelajar: Puji macam contohnya "bagusla tasmi' gini gini selalu, boleh tingkatkan prestasi
102 hafazan tu, baru boleh jadi hafiz cepat sikit, untuk ulang pulak".

103 Penyelidik: Izat pernah kena puji?

104 Pelajar: Ada jugak la.

105 Penyelidik: Izat ada ke?

106 Pelajar: (gelak kecil) Setakat ni tak ada. Hafal kat rumah je.

- 107 Penyelidik: Hafal kat rumah je la.
- 108 Pelajar: A'aa.
- 109 Penyelidik: Ok. Sekolah selainj intensif tu sekolah ada bagi apa lagi?
- 110 Pelajar: Kalau macam khatam 30 juzuk kan, dia aka nada ujian shahadah. Shahadah dah dian
111 aka nada gred la. Maknanya kalau lulus dia ada gred dia; mumtaz, jahid jidan, jahidan, makbur
112 dengan rasid. Mumtaz ni kira A la, kalau ikut gred melayu. Lepas tu rasid ni kira gagal la.
- 113 Penyelidik: Emm.. (faham)
- 114 Pelajar: Tapi bila capai mumtaz ni dapat sijil sabit hafazan. Lepas tu rehal kristal, yang ni
115 hadiah la biasa macam untuk penghargaan untuk mumtaz.
- 116 Penyelidik: Hadiah macam mana?
- 117 Pelajar: Macam duit RM1000, rehal kristal, sijil sabit hafazan.
- 118 Penyelidik: Duit RM1000...?
- 119 Pelajar: Duit RM1000, rehal kristal.
- 120 Penyelidik: Kristal?
- 121 Pelajar: A'aa.
- 122 Penyelidik: Ooo. Satu lagi?
- 123 Pelajar: Dengan sijil sabit hafazan.
- 124 Penyelidik: Sijil sabit hafazan. Izat tak dapat lagi?
- 125 Pelajar: Takda (gelak kecil)
- 126 Penyelidik: Tapi Izat tengok ada senior-senior dapat la?
- 127 Pelajar: Ada.
- 128 Penyelidik: Jadi bila rasa macam tu nak dapat la?
- 129 Pelajar: Untuk nak dapat benda tu macam membantu kit anak pergi sekolah lain la. Macam
130 habis tingkatan 5 nanti untuk pergi sekolah lain kan, bila ada sijil tu maknanya permudahkan
131 kita la untuk masuk U ke.
- 132 Penyelidik: Mmm (faham) Ok, Izat ada apa nak cakap lagi?
- 133 Pelajar: Tak ada setakat ni.